

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	07 DECEMBER 2016



**NAJIB TUN RAZAK menandatangani plak merasmikan pembukaan Hotel Forest City pada Majlis Menandatangani Inisiatif Strategik dan Pembukaan Rasmi Hotel Phoenix di Forest City, Iskandar Puteri, Johor, semalam. - BERNAMA**

## PM saksi majlis tandatangan kerjasama Forest City

UM-7/12/2016

**ISKANDAR PUTERI 6 Dis.** - Forest City yang merupakan projek hartanah pintar di Gelang Patah, dekat sini, memulakan kerjasamanya dengan 36 buah syarikat tempatan dan antarabangsa.

Projek membina bandar pintar dan hijau pertama di empat pulau buatan itu melibatkan beberapa bidang sekali gus akan menjadi hab ekonomi yang melengkapi pembangunan Iskandar Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyaksikan majlis menandatangani kerjasama inisiatif strategik dengan 36 syarikat berkenaan di Forest City hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ismail Karim; Duta China ke Malaysia, Dr. Huang Huikang dan Pengerusi Eksekutif Country Garden Holding, Yeung Kwok Keung.

Syarikat-syarikat itu akan

membangunkan Forest City antaranya dalam bidang perubatan dan penjagaan kesihatan, pendidikan dan latihan, pelancongan, perkhidmatan kewangan, teknologi baru, bandar pintar serta pembangunan teknologi hijau.

Jumlah nilai pasaran semua syarikat itu dianggarkan sehingga AS\$1 trilion antaranya Huawei, Cisco, Accenture, Midea, China Construction Steel Structure Corporation, Deutsche Bank (Asia Pacific) dan Bank of China (Malaysia).

Terdahulu, Perdana Menteri merasmikan Hotel Phoenix yang bertaraf empat bintang di Forest City dan merupakan antara projek pembangunan terawal beroperasi di pusat komersial itu.

Hotel berkenaan yang mempunyai 50 rangkaian di China dibangunkan Country Garden Pacificview Sdn. Bhd. dan diuruskan Country Garden Hotel Group.